

## **GEJALA BULI SIBER MESTI DIBANTERAS**

Oleh: Nur Amnani binti Hazlan, 1171093,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 13 Ogos 2020*



*Gambar hiasan*

Gejala buli siber semakin membimbangkan rakyat Malaysia. Pada masa ini, kita sering mendengar tentang kegiatan penyalahgunaan media sosial untuk mengancam, memalukan, menyebarkan fitnah dan mencela badan individu lain.

Buli siber merupakan ancaman siber ketiga terbesar di Malaysia, selepas penipuan dan penggodaman dalam talian.

Menurut Kajian Sikap Dalam Talian Belia Global Microsoft 2012, daripada 25 negara yang dikaji, Malaysia menduduki tangga ke-17 tertinggi dalam gejala buli siber.

Kajian terhadap kanak-kanak dan remaja berusia antara 8 hingga 17 tahun mendapati kejadian buli siber di Malaysia tidak jauh berbeza dengan statistik global sebanyak 37 peratus, di mana kira-kira 33 peratus remaja di negara pernah mengalami buli siber.

Tinjauan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mendapati 28 peratus anak muda Malaysia menjadi mangsa keganasan dalam talian dengan 43 peratus daripadanya diterima melalui aplikasi pesanan peribadi dalam Facebook dan Instagram.

Ini diperkukuhkan dengan kajian terbaharu UNICEF dan wakil khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Henrietta Fore mengenai kesan buli terhadap kanak-kanak di 30 negara.

Daripada kajian itu, seorang daripada lima kanak-kanak dan remaja dilaporkan ponteng sekolah akibat buli siber dan keganasan.

Antara faktor utama punca masalah jenayah siber adalah ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu sama ada atas sebab perilaku, kemewahan, atau penampilan yang dimiliki mangsa.

Penggunaan teknologi tanpa batasan menjadikan pembuli siber lebih berani mendera mangsa secara mental dengan menggunakan kata-kata negatif untuk menyakiti hati mangsa sekali gus mengakibatkan penderaan emosi dan mental.

Gejala buli siber mudah dilakukan kerana mereka hanya perlu menaip kata-kata yang tidak sepatutnya seperti perkataan berunsur lucah, penghinaan dan ugutan. Pada masa yang sama, pembuli tidak perlu bersemuka dengan mangsa.

Situasi ini menyebabkan pembuli bertindak lebih berani mengeluarkan perkataan yang tidak sepatutnya.

Setiap pengguna media sosial seharusnya menghormati pendapat dan privasi orang lain dalam media sosial dan mengutarakan pendapat dengan sopan yang tidak mengandung perkataan-perkataan berunsur penghinaan.

Masyarakat juga perlu mempunyai kesedaran sivik dan nilai agama yang tinggi supaya perkara sebegini dapat dibendung dan tidak berlarutan.

Al-Quran dengan jelas menggariskan mengapa setiap manusia mesti menjauhi perbuatan merendah-rendahkan orang lain.

Seperti maksud firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 11: "Hai orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang lelaki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik daripada mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik".

Gunakanlah media sosial secara bertanggungjawab agar gejala media sosial tidak berleluasa dan mengganggu ketenteraman semua penggunanya.

